

NO. SOALAN : 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTAJAM]**

TARIKH : 2 APRIL 2014

SOALAN :

YB. Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan secara terperinci apakah rancangan kerajaan pusat untuk merancakkan industri pelancongan Pulau Pinang sempena Tahun Melawat Malaysia 2014 serta berapakah jumlah peruntukan pelancongan kepada Pulau Pinang dari tahun 2004-2014.**

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sempena Tahun Melawat Malaysia 2014, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah merancang beberapa program dan aktiviti di negeri Pulau Pinang bagi mencapai sasaran ketibaan seramai 28 juta pelancong dengan pendapatan pelancongan sebanyak RM76 bilion ke dalam negara. Bagi merancakkan industri pelancongan di negeri Pulau Pinang, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan akan menganjurkan acara-acara khas di peringkat negeri sempena Tahun Melawat Malaysia 2014. Acara-acara tersebut akan mencakupi empat konsep utama iaitu Citrarasa, Citrawarna, Festival Seni dan Festival Muzium. Kempat-empat program acara ini akan menonjolkan keunikan budaya dan seni negara dalam bentuk festival dan akan mempamerkan budaya satu Malaysia, kepelbagaian makanan, seni serta sejarah Malaysia.

Bagi tujuan tersebut, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah menyalurkan sebanyak RM400,000 bagi setiap negeri termasuk Negeri Pulau Pinang bagi menjalankan acara-acara khas yang telah dikenalpasti sempena Tahun Melawat Malaysia 2014 di peringkat negeri.

Selain itu, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan juga telah mempromosikan acara-acara di negeri Pulau Pinang di dalam penerbitan risalah khas iaitu *Malaysia Mega Events & Festivals 2014*. Antara acara-acara yang dipromosikan adalah:

- i. *Tropfest Southeast Asia* (25 Januari 2014);
- ii. *Penang World Music Festival* (12 hingga 13 April 2014);
- iii. *George Town World Heritage City Celebration by UNESCO* (7 Jun – 7 Julai 2014);
- iv. *Penang Durian Fair* (Bulan Jun hingga Julai 2014);
- v. *Penang Bridge International Marathon* (16 November 2014); dan
- vi. *Penang International Jazz Festival* (4 hingga 7 Disember 2014).

Selain daripada penganjuran acara-acara pelancongan, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Tourism Malaysia telah melancarkan *1001 Packages* yang meliputi 1001 pakej pelancongan domestik yang ditawarkan kepada pelancong asing dan tempatan. Daripada 1001 pakej tersebut, sebanyak 109 pakej pelancongan adalah pakej yang ditawarkan oleh agensi-agensi pelancongan dari negeri Pulau Pinang ke tempat-tempat menarik di seluruh negeri Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan projek-projek pembangunan pelancongan dapat dilaksanakan di negeri Pulau Pinang, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan juga telah menyalurkan peruntukan pelancongan kepada negeri Pulau Pinang. Jumlah peruntukan yang disalurkan dari tahun 2004 hingga 2014 adalah seperti berikut:

| RMKe | Jumlah Peruntukan |
|-------------------|--------------------------|
| RMK-8 (2001-2005) | RM 31,148,506.00 |

| | |
|---------------------------|--------------------------|
| RMK-9 (2006-2010) | RM 76,376,088.00 |
| RMK-10 (2011-2015) | RM 15,507,237.00 |
| JUMLAH KESELURUHAN | RM 123,031,831.00 |

Selain daripada penyaluran peruntukan bagi projek pembangunan fizikal, untuk tahun 2014 juga Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah menyalurkan sebanyak RM400,000 bagi setiap negeri termasuk Negeri Pulau Pinang bagi menjalankan acara-acara khas yang telah dikenalpasti sempena Tahun Melawat Malaysia 2014 di peringkat negeri. Acara-acara tersebut akan berasaskan kepada empat konsep utama iaitu Citrarasa, Citrawarna, Festival Seni dan Festival Muzium.

Sekian, terima kasih.